

## Tahap Pengetahuan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar (IPGKRM)

### (Proficiency Level on the Ahl Sunnah Wal Jamaah Aqeedah among Students of the Institute of Teacher Education Raja Melewar Campus (IPGKRM))

Abdul Hadi Sulaiman, Hasnurol Hashim, Zuraini Yaakub, Aisah Hasmam, Abd Razak Abu Chik, Mohd Muhsinul Nidzam Abdullah, Sohaina Mohd Salleh & Wan Ali Akbar Wan Abdullah  
*Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Raja Melewar*

#### Abstrak

Isu akidah dalam kalangan generasi muda semakin membimbangkan. Pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang goyah akan menyeret mereka dalam kancang ajaran sesat dan jenayah murtad. Walaupun sebahagian generasi muda mendapat pendidikan yang mantap, namun mereka masih terdedah dengan ajaran agama yang menyeleweng berikutan mudahnya memperoleh informasi menerusi rangkaian digital. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar IPGKRM terhadap Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) sejajar guru sebagai ikon serta ejen penting dalam menyampaikan ilmu kepada masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang bersifat pesampelan bertujuan bagi melaporkan secara statistik mengenai tahap pasti tahap pengetahuan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan pelajar IPGKRM. Tatacara kutipan data dilakukan dengan pengedaran instrumen soal-selidik secara dalam talian. Hasil analisis mendapati bahawa nilai min skor bagi tahap pengetahuan akidah ahli sunnah wal jamaah dalam kalangan pelajar adalah  $637.3 / 165.0 = 3.86$ . Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah pelajar IPGKRM berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini turut mendapati tahap pengetahuan berkaitan aspek keimanan kepada rasul merupakan skor yang tertinggi. Implikasi kajian ini mencadangkan supaya semua pelajar kampus IPGKRM perlu menguasai akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sehingga mampu menjadi jambatan untuk menyampaikan manhaj pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada masyarakat luar pada masa akan datang.

**Kata kunci:** Tahap Pengetahuan, Akidah, Ahli Sunnah wal Jamaah, Guru, Pelajar.

#### Abstract

Issues of Islamic aqeedah is of great concern nowadays particularly among the younger generation. Their wavering belief as Ahlus Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) will eventually drag them into heretical beliefs and apostasy if not given due attention. Regardless of sound religious education that the youngsters received, they are still vulnerable to deviant religious teachings due to easy access of information through digital networks. Hence, there is a need to identify the level of knowledge and understanding of students at Institute of Teacher Education Raja Melewar Campus (IPGKRM) on their Sunni Islam practices. The need is in concordance with teachers being regarded as icons as well as important representatives to impart their knowledge to the community. This paper is a quantitative study using sampling approach to identify and present statistic report on level of knowledge on Sunni Islam belief among IPGKRM students. The data is collected through online distribution of questionnaire instruments. The results of the analysis found that the mean value score for level of knowledge on Sunni Islam belief among the respondents was  $637.3 / 165.0 = 3.86$ . The finding shows a high level of Sunni Islam knowledge among the IPGKRM students. The study further shows highest score on level of knowledge related to belief on the prophets. Thus, this study implicates that IPGKRM campus students need to have strong mastery of Sunni Islam knowledge to ensure their capability in imparting knowledge on ASWJ to the community in future.

**Keywords:** Level of Knowledge, Belief, Ahlus Sunnah wal Jamaah, Teachers, Students.

Article Progress  
Received: 31 October 2022  
Revised: 14 November 2022  
Accepted: 28 November 2022

## 1. PENGENALAN

Aqidah yang benar adalah tunjang kekuatan umat Islam. Jika kehidupan muslim terpisah daripada akidah yang benar, maka hidup akan menjadi lemah dan berpecah belah. Hal ini kerana akidah adalah terasnya yang bertindak mengawal segala gerak laku dalam kehidupan seseorang (Ramlil 2012). Namun, data Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes ajaran sesat yang berlawanan dengan akidah yang benar, sentiasa menunjukkan peningkatan. Terdapat 47 kes ajaran sesat di sepanjang tahun 2020 ketika negara dilanda pandemik Covid 19 (Mohammad Khairil Ashraf & Raiham 2021). Malahan data PDRM juga mencatatkan bahawa terdapat 56 ajaran sesat di Malaysia yang telah sampai ke tahap boleh mendatangkan ancaman keselamatan dan menggugat ketenteraman awam (Bernama 2015). Hal ini boleh berlaku demikian melalui konsep jihad serta syahid yang terpesong, rumah ibadah agama lain dimusnahkan, mengakui bahawa mereka adalah tentera Allah dan menghalalkan darah sesama manusia untuk dibunuh serta taksub dan fanatik melampau kepada guru. Senario ini pasti membimbangkan masyarakat terutama ibu bapa dan guru.

Selain itu, sikap generasi muda yang kurang cakna dengan serangan pemikiran dan ajaran sesat menyemarakkan lagi isu akidah dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Kebanyakan mereka tidak sedar bahaya pemikiran dan ajaran sesat seperti modenisme, liberalisme, sekularisme, syiah, Ayah Pin, Taslim, Rufaqa', Tuhan Harun dan sebagainya (Nor Azizah et al 2019). Walaupun mendapat pendidikan yang mantap, namun mereka masih terdedah dengan ajaran agama yang menyeleweng berikutan mudahnya memperoleh informasi menerusi rangkaian digital (Syamilatul & A'dawiyah 2022). Statistik tangkapan juvana dalam jenayah indeks yang dilaporkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, bagi tahun 2016 hingga 2020 juga agak membimbangkan. Sejumlah 21,735 daripada 31,258 kes atau 69.5% melibatkan pesalah juvana dalam kalangan remaja Melayu beragama Islam. Data ini secara tidak langsung memberi gambaran awal berkenaan status kedudukan akidah yang goyah dalam kalangan generasi muda kerana hanya akidah yang kuat mampu mengawal tindakan seseorang daripada terlibat dengan jenayah (Muhammad Zaki & Khadijah 2021). Justeru kajian berkenaan tahap pengetahuan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan pelajar IPGKRM perlu dilaksanakan berikutnya mereka adalah bakal guru yang akan meneruskan kesinambungan aqidah yang benar dalam kalangan masyarakat kelak.

## 2. SOROTAN KAJIAN

Istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) berasal daripada dua patah perkataan iaitu “ahl al-Sunnah” dan “al-Jamaah” yang memberi maksud satu kumpulan majoriti dan dominan dalam kalangan umat Islam yang memiliki akidah yang bertepatan dengan akidah Rasulullah SAW, para sahabat Baginda SAW dan imam mujtahid yang muktabar (Abdullaah 2022). Hal ini jelas dinyatakan oleh hadith Nabi SAW:

Dan akan berpecah umatku kepada 73 golongan kumpulan. Semuanya akan dimasukkan ke dalam neraka melainkan satu kumpulan sahaja. Sahabat bertanya: Wahai Rasulullah SAW, siapakah mereka? Nabi SAW menjawab: Apa yang aku berada di atasnya dan juga sahabat-sahabatku.

(Riwayat at-Tirmizi)

Dinamakan Ahli Sunnah kerana mereka menerima dan beramal dengan Sunnah Rasulullah SAW manakala al-Jamaah kerana mereka berkumpul di atas kebenaran, bersatu untuk berjihad melaksanakan amar makruf dan nahi munkar serta menghidupkan Sunnah dan menentang perkara bidaah (Ab. Latif & Rosmawati 2021). Aqidah ASWJ kemudiannya disusun oleh dua tokoh imam Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu Imam Abu al-Hassan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi secara lebih bersistem (Nik Muhammad Syukri 2021). Antara prinsip asas akidah ASWJ ialah berpegang teguh dengan al-Quran dan al-Sunnah, al-Quran bukan makhluk sebaliknya adalah kalam

Allah yang bersifat qadim, orang mukmin dapat melihat Allah di Syurga pada Hari Kiamat, pelaku dosa besar berstatus mukmin dan iman seseorang boleh bertambah dan berkurang (Ab. Latif & Rosmawati 2021).

Dalam pada itu, hasil kajian literatur yang dijalankan mendapati, masih terdapat individu yang lemah dari sudut pengetahuan agamanya termasuk yang melibatkan persoalan dasar iaitu akidah yang tidak sepatutnya berlaku dalam diri seorang muslim (Asjad et al 2010). Sedangkan tahap pengetahuan akidah akan memberi kesan kepada penghayatan akhlak kerana tahap pengetahuan akidah yang tinggi, maka penghayatan akhlaknya juga tinggi (Nor Hayati et al. 2018). Oleh itu, tentunya terdapat hubungan yang positif antara tahap pendidikan dan pemikiran Islam, berikutnya tahap pendidikan dan pendedahan kepada aktiviti agama akan memberi kesan terhadap pemikiran keagamaan (Mashitah et al 2018).

Demikian juga terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan akidah dengan amalan ibadah seseorang iaitu tahap pengetahuan akidah adalah tinggi tetapi tahap amalan adalah sederhana (Mohd Zaki & Khadijah 2021). Hal ini bermakna, walaupun pengetahuan agama seseorang adalah tinggi, tetapi mereka tidak mengaplikasikan sepenuhnya ilmu yang dimiliki dalam kehidupan sehari-hari mereka. Perkara yang sama dinyatakan oleh kajian Ahmad Johari et al (2020) yang mendapati tahap pengetahuan akidah yang tinggi, tidak semestinya akan menyebabkan amal ibadah juga tinggi. Biarpun tahap pengetahuan agama seseorang individu adalah tinggi, namun tahap amalan agama mereka berada pada tahap yang sederhana dan hubungan antara kedua-dua aspek ini adalah sangat lemah. Justeru tahap pengetahuan akidah tidak boleh menjadi kayu ukur terhadap kualiti amalan seseorang.

Walau bagaimana pun, kajian Azman Ab Rahman et al (t.th), mendapati tahap pengetahuan penduduk Negeri Sembilan terhadap konsep ASWJ berada pada tahap sederhana kerana julat jawapan betul yang diberikan adalah antara 50% ke 70% sahaja. Malah penghayatan akidah generasi muda juga berada pada tahap membimbangkan sehingga menjadi punca kepada pelbagai krisis dan masalah (Rosni 2020). Kajian-kajian ini membuktikan peri pentingnya pengetahuan akidah yang mantap sebagai usaha untuk melahirkan generasi yang sempurna amal ibadahnya, berakhlaq mulia dan sentiasa berada pada landasan akidah yang benar serta diterima oleh Allah SWT. Namun, tidak ada satu kajian pun yang dijalankan berkenaan tahap pengetahuan akidah siswa guru di Institut Pendidikan Guru, sedangkan guru merupakan individu yang berperanan menyambung dakwah Nabi SAW, mengajak masyarakat berada dalam akidah yang benar. Justeru, terdapat keperluan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan akidah ASWJ dalam kalangan siswa guru IPGKRM sebagai langkah permulaan bagi menyelamat akidah ummah. Sekalipun berbeza seribu wajah, namun satu akidah.

### 3. METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini adalah merujuk kepada kajian tinjauan. Menurut Cresswell dan Plano Clark (2011), kajian tinjauan merupakan satu kaedah penyelidikan yang sering digunakan dalam bidang sains sosial. Hal ini kerana ia boleh digunakan untuk menyatakan pelbagai jenis isu dan permasalahan yang berlaku semasa atau terkini. Manakala pemilihan ciri reka bentuk kajian yang dipilih pula merujuk kepada menggunakan kaedah tematik. Bagi tujuan pengumpulan data, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang bersifat pensampelan bertujuan bagi melaporkan secara statistik mengenai tahap pasti tahap pengetahuan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan pelajar IPGKRM. Tatacara kutipan data dilakukan dengan pengedaran instrumen soal-selidik secara dalam talian dan anggaran masa menjawab ialah selama satu jam. Berikut elemen asas bagi tujuan pengumpulan data kajian:

### 3.1 Instrumen

Instrumen soal-selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah adaptasi dari Instrumen Penilaian Penghayatan Akidah oleh Norsaleha Mohd Salleh (2015). Instrumen tersebut ditadbir kepada responden secara dalam talian. Sebanyak 85 item perlu dijawab oleh responden dengan memilih skala likert 1 hingga 5. Skala 1 Sangat Tidak Setuju (STS), skala 2 Tidak Setuju (TS), skala 3 Kurang Setuju (KS), skala 4 Setuju (S) dan 5 Sangat Setuju (SS). Masa yang diperlukan untuk menjawab semua item ialah 60 minit atau satu jam sahaja. Item-item terdiri daripada 6 tema utama dan 12 sub tema yang berhubung pengetahuan akidah ahli sunnah wal jamaah, iaitu:

- 1.1 Konsep keimanan kepada Allah (item 1 – 6)
  - 1.1.1 Pengetahuan keimanan kepada Allah (item 31 – 34)
  - 1.1.2 Kefahaman terhadap keimanan kepada Allah (item 59 – 63)
- 1.2 Konsep keimanan kepada Malaikat (item 7-10)
  - 1.2.1 Pengetahuan keimanan kepada Malaikat (item 35 – 39)
  - 1.2.2 Kefahaman terhadap keimanan kepada Malaikat (item 64 – 67)
- 1.3 Konsep keimanan kepada Rasul (item 11-16)
  - 1.3.1 Pengetahuan keimanan kepada Rasul (item 40 – 44)
  - 1.3.2 Kefahaman terhadap keimanan kepada Rasul (item 68 – 71)
- 1.4 Konsep keimanan kepada Kitab (item 17-21)
  - 1.4.1 Pengetahuan keimanan kepada al-Quran (item 45 – 49)
  - 1.4.2 Kefahaman terhadap keimanan kepada al-Quran (item 72 – 76)
- 1.5 Konsep keimanan kepada Hari Akhirat (item 22-25)
  - 1.5.1 Pengetahuan keimanan kepada hari Akhirat (item 50 – 55)
  - 1.5.2 Kefahaman terhadap keimanan kepada hari Akhirat (item 77 – 81)
- 1.6 Konsep keimanan kepada Qada' dan Qadar (item 26-30)
  - 1.6.1 Pengetahuan keimanan kepada Qada' dan Qadar (item 56 – 58)
  - 1.6.2 Kefahaman terhadap keimanan kepada Qada' dan Qadar (item 82 – 85)

### 3.2 Responden

Populasi pelajar IPGKRM adalah seramai 331. Oleh itu, berdasarkan Krejcie dan Morgan (1970), seramai 165 orang pelajar cukup dijadikan responden kajian. Responden dipilih menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi menepati kriteria dan ciri yang dikehendaki pengkaji. Kriteria dan ciri pensampelan bertujuan tersebut merujuk kepada latar belakang yang mengikuti kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan yang sedang mengikuti pengajian peringkat sarjana muda pendidikan.

### 3.3 Jadual interpretasi

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan pelajar IPGKRM. Skala pengukuran min bagi kajian ini adalah merujuk interpretasi skor min likert Landell (1977) seperti berikut:

Jadual 1: Interpretasi Tahap Pengetahuan Akidah Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

#### 4. ANALISIS DATA

Analisis data dilakukan menggunakan Model Pengukuran Rasch untuk data politomi. Perisian yang digunakan ialah Winsteps versi 5.0.2.0 yang dibangunkan oleh Linacre (2021). Model Pengukuran Rasch merupakan model respon item yang paling mudah (Azrilah et al. 2017; Muhamad Azry et al. 2019) dan mampu mentaksirkan keupayaan individu dan mengklabarsi item pada satu skala pengukuran (Azami et al., 2019) dan menawarkan peluang yang sangat besar untuk siasatan kesahan (Bond & Fox, 2015). Sehubungan itu, menurut Azrilah et al. (2017), pengaplikasian Model Pengukuran Rasch dalam sesuatu kajian dapat membina skala berdasarkan set item. Justeru tujuan menggunakan Model Pengukuran Rasch ini adalah mengenal pasti tahap kefahaman akidah ahli sunnah wal jaaah dalam kalangan pelajar. Oleh itu, Model Pengukuran Rasch sangat bersetujuan dengan kajian ini kerana dapat memberikan maklum balas responden terhadap keupayaan pelajar terhadap kefahaman akidah sedia ada dalam kalangan mereka.

Berikut Jadual 2 mengenai rumusan analisis indeks kebolehpercayaan dan pengasingan *person* dan *item* bagi kajian ini:

Jadual 2: Rumusan Analisis Indeks Kebolehpercayaan dan Pengasingan *Person* dan *Item*

TABLE 3.1 Aqidah		ZOU873WS.TXT JUN 29 2022 15:33					
INPUT: 165 Person 85 Item REPORTED: 165 Person 85 Item 5 CATS WINSTEPS 5.0.2.0							
SUMMARY OF 165 MEASURED Person							
TOTAL SCORE	COUNT	MEASURE	MODEL S.E.	INFIT MNSQ	INFIT ZSTD	OUTFIT MNSQ	OUTFIT ZSTD
MEAN	328.3	85.0	1.04	.15	1.00 -.21	1.05	-.45
SEM	1.3	.0	.03	.00	.05 .14	.11	.17
P.SD	16.3	.0	.32	.01	.64 1.85	1.47	2.16
S.SD	16.3	.0	.32	.01	.64 1.86	1.48	2.17
MAX.	355.0	85.0	1.70	.16	5.56 9.91	9.90	9.91
MIN.	183.0	85.0	-1.20	.11	.34 -3.18	.19	-2.96
REAL RMSE	.17	TRUE SD	.27	SEPARATION 1.63	Person RELIABILITY .73		
MODEL RMSE	.15	TRUE SD	.28	SEPARATION 1.83	Person RELIABILITY .77		
S.E. OF Person MEAN	= .03						
Person RAW SCORE-TO-MEASURE CORRELATION = .98 (approximate due to missing data)							
CRONBACH ALPHA (KR-20) Person RAW SCORE "TEST" RELIABILITY = .83 SEM = 6.74 (approximate due to missing data)							
STANDARDIZED (50 ITEM) RELIABILITY = .66							
SUMMARY OF 85 MEASURED Item							
TOTAL SCORE	COUNT	MEASURE	MODEL S.E.	INFIT MNSQ	INFIT ZSTD	OUTFIT MNSQ	OUTFIT ZSTD
MEAN	637.3	165.0	.00	.16	1.16 .24	2.17	1.61
SEM	25.8	.0	.17	.01	.05 .21	.31	.46
P.SD	236.8	.0	1.52	.08	.43 1.95	2.81	4.22
S.SD	238.2	.0	1.53	.08	.43 1.96	2.82	4.25
MAX.	818.0	165.0	3.31	.36	2.56 3.54	9.90	9.91
MIN.	177.0	165.0	-2.11	.06	.47 -7.07	.41	-5.46
REAL RMSE	.21	TRUE SD	1.50	SEPARATION 7.21	Item RELIABILITY .98		
MODEL RMSE	.18	TRUE SD	1.51	SEPARATION 8.34	Item RELIABILITY .99		
S.E. OF Item MEAN	= .17						
Item RAW SCORE-TO-MEASURE CORRELATION = -.96 (approximate due to missing data)							
Global statistics: please see Table 44.							
UMEAN=.0000 USCALE=1.0000							


Jadual 2 menunjukkan indeks kebolehpercayaan keseluruhan person dalam instrumen yang diedarkan. Indeks kebolehpercayaan menjadi kriteria menentu kesahan dan sesbuah instrumen. Analisis yang dilakukan mendapati nilai kebolehpercayaan person ialah 0.73 yang menunjukkan nilai tersebut menghampiri nilai yang dijangka oleh model, iaitu 0.77 manakala nilai Cronbach Alpha Kuder-Richardson KR20 ialah 0.83. Keadaan ini membuktikan keseluruhan person yang menjawab instrumen mengenai kefahaman akidah ahli sunnah wal jaaah adalah menepati kebolehan individu secara tekal (Bond & Fox 2015). Nilai indeks ini juga dianggap sampel yang digunakan mencukupi dan mampu mewakili keupayaan yang ingin diuji.

Dalam rajah yang sama juga menunjukkan nilai kebolehpercayaan item. Nilai indeks item instrumen yang diperolehi ialah 0.98, iaitu menyamai nilai jangkaan model, 0.99 yang menghampiri nilai 1.0. Keseluruhan item yang digunakan dalam instrumen menunjukkan sebaran item adalah seimbang dan mencukupi di samping menunjukkan kebolehan setara daripada item yang paling sukar hingga ke item yang paling mudah (Wright & Stone 1979; Wolins, Wright dan Masters 1983). Nilai indeks tersebut juga menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang diterima kuat, iaitu melebihi 0.8 (Bond & Fox 2015). Oleh itu, perolehan analisis kebolehpercayaan item ini menunjukkan eviden bahawa instrumen yang digunakan terdiri item yang stabil dan konsisten. Berikut jadual rumusan analisis kebolehpercayaan dan item.

Jadual 3: Rumusan Analisis Kebolehpercayaan *Person* dan *Item*

Person (r = 165)		Cronbach alpha = 0.83	
Indeks pengasingan person	1.63		
Indeks kebolehpercayaan person	0.73		
Min (Purata)	0.03		
Item (i = 85)			
Indeks pengasingan item	7.21		
Indeks kebolehpercayaan item	0.98		

Berikut pula rajah 1 mengenai peta wright bagi analisis tahap kesukaran item. Analisis ini digunakan bagi membentuk skala atau ruler bagi keseluruhan instrumen tentang tahap kefahaman akidah ahli sunnah wal jaaah dalam kalangan pelajar dan setiap konstruknya.



Rajah 1: Peta *wright* analisis Tahap Kesukaran Item

Rajah 1 di atas ialah analisis tahap kesukaran item. Kedudukan person di sebelah kiri peta dan kedudukan item di sebelah kanan peta. Secara visualnya, kesemua item yang djawab oleh responden berbentuk “bell curve” iaitu berkeadaan seimbang yang menunjukkan bersesuai dengan tahap kesukaran mudah, sederhana dan sukar. Namun bagi taburan person pula memaparkan visual mendatar, iaitu dua strata (kumpulan) strata rendah dan strata tinggi. Hal ini adalah berdasarkan nilai

min keupayaan person yang diperolehi ialah 0.03 berbanding nilai logit 0.00. Kesimpulannya, graf item menunjukkan seimbang mengikut kesukaran, namun bagi person graf lebih menunjukkan dapat menguasai keseluruhan item.

Seterusnya analisis data bagi nilai Piawaian Varians Komponen Utama (PCA) yang bertujuan menentukan ciri unidimensionaliti. Ciri dirujuk bagi menentukan sesuatu instrumen itu diukur dalam satu arah dan satu wajah di samping menentukan sekiranya item instrumen tersebut mempunyai ciri kesamaran sama ada bersandar atau tidak di antara item dengan item yang lain. Menurut Wright & Stone (1979) dan Azrilah et al. (2017), ciri unidimensionaliti ternyata kritikal dalam menentukan sesuatu instrumen bagi mengukur dalam satu arah atau selari. Manakala Rohaya dan Mohd Najib (2017), unidimensionaliti merupakan pembuktian data kajian bersesuaian dengan model dan mengukur satu konstruk yang jelas. Perkara tersebut dititikberatkan kerana kesahan konstruk yang dilakukan oleh pengkaji membuktikan maklumat yang diperolehi adalah hasil analisis atau teori tentang kajian sedang dilakukan bahkan kesahan konstruk tersebut sememangnya penting dalam setiap penyelidikan kerana ia dapat membantu dalam pembinaan instrumen penyelidikan (Azrilah et al. 2013). Berikut Jadual 4 bagi Analisis Komponen Utama (PCA):

Jadual 4: Analisis Komponen Utama (PCA)

TABLE 23.0 Aqidah  
INPUT: 165 Person 85 Item REPORTED: 165 Person 85 Item 5 CATS WINSTEPS 5.0.2.0  
ZOU873WS.TXT Jun 29 2022 15:33

Table of STANDARDIZED RESIDUAL variance in Eigenvalue units = Item information units

	Eigenvalue	Observed	Expected
Total raw variance in observations	= 438.1979	100.0%	100.0%
Raw variance explained by measures	= 353.1979	80.6%	81.1%
Raw variance explained by persons	= 94.1095	21.5%	21.6%
Raw Variance explained by items	= 259.0883	59.1%	59.5%
Raw unexplained variance (total)	= 85.0000	19.4% 100.0%	18.9%
Unexplnied variance in 1st contrast	= 22.3321	5.1% 26.3%	
Unexplnied variance in 2nd contrast	= 8.0771	1.8% 9.5%	
Unexplnied variance in 3rd contrast	= 6.1437	1.4% 7.2%	
Unexplnied variance in 4th contrast	= 4.2456	1.0% 5.0%	
Unexplnied variance in 5th contrast	= 2.1951	.5% 2.6%	

Menerusi Jadual 4 di atas menunjukkan unidimensionaliti dalam pembinaan instrumen tahap kefahaman aqidah ahli sunnah wal jamaah dalam kalangan pelajar, raw variance explained by measures menunjukkan 80.6% berbanding dengan Model Pengukuran Rasch, iaitu 81.1% adalah melebihi batasan 40%. Menurut Fisher (2007), nilai keperluan raw variance explained by measures bagi sesebuah instrumen adalah sekurang-kurangnya 20% dan ia menunjukkan nilai instrumen yang digunakan dalam kajian ini telah tercapai dan cemerlang. Seterusnya tahap noise yang diukur pula adalah sebanyak 5.1% (unexplnied variance in 1st contrast) adalah sangat diterima memandangkan ia jauh daripada nilai terkawal tidak melebihi 10% atau tidak melebihi maksimum had kawal 15%. Keadaan ini menunjukkan tidak wujud dimensi kedua dalam setiap item yang dijawab pelajar. Manakala nilai eigenvalue sebanyak 22.3 adalah nilai yang melebihi nilai 3.0 menunjukkan terdapat dimensi dalam item (Linacre, 2005). Kesimpulannya, penentuan ciri unidimensionaliti bagi setiap konstruk dalam instrumen terhadap kefahaman aqidah ahli sunnah wal jamaah dalam kalangan pelajar adalah memenuhi optimum andaian unidimensionaliti dan kesahan konstruk berdasarkan Model Pengukuran Rasch.

## 5. DAPATAN KAJIAN

Tahap pengetahuan akidah ahli sunnah wal jamaah dalam kalangan pelajar:

Item Statistics: Measure Order													
Entry Number	Total Score	Total Count	Measure	Model S.E.	Infit MNSQ	Infit ZSTD	Outfit MNSQ	Outfit ZSTD	Ptmeasur-Al Corr.	Ptmeasur-Al Exp.	Exact Obs%	Exact Exp%	Match
44	177	165	3.31	.25	2.56	2.70	9.90	9.91	-.36	-.07	97.6	94.2	044
2	183	165	3.02	.20	2.04	2.31	9.90	9.91	-.17	.09	95.8	91.8	002
27	187	165	2.89	.17	1.76	1.97	9.90	9.91	-.25	.10	93.3	90.3	027
29	189	165	2.83	.17	1.63	1.74	9.90	9.91	-.40	.11	92.1	89.6	029
31	190	165	2.80	.16	1.87	2.29	9.90	9.91	-.32	.11	93.3	89.3	031
6	194	165	2.71	.15	2.15	3.03	9.90	9.91	-.09	.12	94.5	87.9	006
46	201	165	2.57	.13	1.93	2.84	9.63	9.91	-.17	.13	90.9	84.9	046
16	202	165	2.55	.13	1.43	1.53	5.85	8.39	-.15	.13	87.3	84.3	016
23	207	165	2.47	.12	1.66	2.32	8.32	9.91	-.08	.14	86.1	81.3	023
70	209	165	2.44	.12	1.53	1.99	8.30	9.91	-.20	.15	83.0	80.8	070
51	218	165	2.33	.11	1.71	2.78	2.81	5.08	.10	.16	82.4	76.7	051
64	228	165	2.23	.10	1.03	.21	6.53	9.91	-.23	.17	66.1	68.7	064
12	233	165	2.18	.09	1.47	2.24	1.48	1.99	-.15	.18	66.7	63.5	012
77	239	165	2.13	.09	1.39	1.99	6.22	9.91	-.20	.19	50.9	56.8	077
7	269	165	1.93	.08	1.34	2.21	4.88	9.90	-.02	.22	29.1	34.5	007
37	295	165	1.79	.07	1.43	3.15	4.47	9.90	-.09	.25	15.2	26.2	037
85	302	165	1.76	.07	1.18	1.51	2.82	8.56	.04	.25	25.5	23.6	085
84	315	165	1.70	.07	.78	-2.13	1.60	3.75	-.09	.26	31.5	23.0	084
75	316	165	1.70	.07	.89	-1.01	1.74	4.50	-.12	.26	22.4	22.9	075
10	346	165	1.58	.06	1.20	2.03	1.75	5.18	.14	.28	16.4	20.0	010
80	368	165	1.50	.06	.96	-.47	1.30	2.54	-.08	.30	23.0	18.9	080
58	403	165	1.38	.06	.87	-1.75	1.07	.73	-.08	.31	26.7	19.9	058
71	596	165	.76	.06	.47	-7.07	.52	-5.46	.45	.37	35.8	23.4	071
79	635	165	.62	.06	.50	-5.64	.60	-3.76	.50	.37	36.4	24.5	079
76	652	165	.54	.07	.68	-3.08	.71	-2.47	.51	.37	30.3	25.7	076
72	653	165	.54	.07	.62	-3.74	.67	-2.83	.46	.37	30.3	25.7	072
78	659	165	.51	.07	.55	-4.58	.58	-3.72	.48	.37	37.6	25.7	078
9	665	165	.48	.07	1.10	.85	1.22	1.56	.27	.37	18.8	26.4	009
26	676	165	.43	.07	1.52	3.54	1.58	3.48	.24	.37	18.2	26.9	026
65	678	165	.42	.07	.92	-.56	1.03	.25	.38	.37	31.5	26.9	065
74	681	165	.41	.07	1.28	2.00	1.52	3.12	.24	.37	18.2	26.9	074
81	707	165	.26	.08	.58	-3.27	.62	-2.64	.51	.36	46.7	34.7	081
67	720	165	.17	.08	.64	-2.52	.67	-2.11	.46	.36	50.9	41.8	067
8	732	165	.08	.09	1.17	.98	1.33	1.68	.23	.36	53.3	51.7	008
63	732	165	.08	.09	.55	-3.16	.63	-2.23	.53	.36	70.9	51.7	063
53	736	165	.05	.09	1.52	2.65	1.71	3.14	.28	.35	57.6	53.0	053
17	752	165	-.10	.10	.90	-4.49	.98	-.02	.36	.35	67.3	64.4	017
13	765	165	-.26	.12	1.26	1.22	1.35	1.48	.38	.34	76.4	70.3	013
61	770	165	-.33	.12	1.04	.27	.99	.04	.47	.34	80.6	73.0	061
5	771	165	-.34	.12	.94	-.22	1.07	.38	.37	.34	75.2	73.3	005
41	778	165	-.45	.13	1.42	1.64	1.84	2.87	.34	.34	86.1	78.1	041
82	778	165	-.45	.13	.84	-.63	.84	-.63	.48	.34	79.4	78.1	082
52	779	165	-.47	.13	.81	-.77	.83	-.68	.50	.34	80.0	78.8	052
59	782	165	-.53	.14	.70	-1.31	.56	-2.00	.64	.34	80.6	80.0	059
60	782	165	-.53	.14	.68	-1.43	.57	-1.93	.62	.34	80.0	80.0	060
73	782	165	-.53	.14	.82	-.71	.70	-1.28	.57	.34	81.8	80.0	073
68	784	165	-.57	.14	.60	-1.80	.50	-2.37	.71	.33	81.2	80.7	068
4	787	165	-.63	.15	.87	-.47	.89	-.35	.45	.33	82.4	82.1	004
69	794	165	-.80	.17	.61	-1.59	.52	-2.00	.65	.32	83.6	85.3	069
1	795	165	-.83	.17	.83	-.59	.94	-.11	.43	.32	86.7	85.6	001
62	795	165	-.83	.17	.89	-.34	.70	-1.09	.57	.32	87.3	85.6	062
83	795	165	-.83	.17	1.14	.57	1.11	.48	.45	.32	87.9	85.6	083
22	797	165	-.89	.18	1.88	2.63	2.19	3.20	.32	.31	92.1	86.4	022
35	798	165	-.92	.18	.74	-.93	.59	-1.56	.63	.31	86.7	87.1	035
66	798	165	-.92	.18	.84	-.50	.79	-.68	.52	.31	87.9	87.1	066
3	803	165	-.10	.20	.82	-.57	.84	-.43	.50	.29	89.1	89.2	003
15	803	165	-.110	.20	1.30	1.03	1.56	1.63	.39	.29	90.9	89.2	015
39	803	165	-.110	.20	1.28	.97	1.77	2.11	.44	.29	90.9	89.2	039
14	804	165	-.114	.20	.91	-.21	.89	-.26	.52	.28	90.3	89.6	014
24	804	165	-.114	.20	1.84	2.38	1.95	2.46	.37	.28	93.3	89.6	024
28	804	165	-.114	.20	.93	-.15	.93	-.13	.47	.28	90.3	89.6	028
45	805	165	-.118	.21	.95	-.06	.88	-.29	.50	.28	90.9	90.1	045
55	805	165	-.118	.21	.91	-.20	.60	-1.34	.61	.28	90.9	90.1	055
21	806	165	-.123	.21	.91	-.22	.92	-.15	.47	.27	90.9	90.5	021
54	806	165	-.123	.21	.95	-.05	.66	-1.08	.59	.27	91.5	90.5	054
47	807	165	-.127	.22	.91	-.19	.61	-1.23	.59	.26	91.5	90.9	047
36	808	165	-.132	.23	.92	-.14	.53	-1.56	.64	.26	92.1	91.3	036
38	808	165	-.132	.23	1.48	1.41	1.43	1.22	.48	.26	93.3	91.3	038
25	809	165	-.138	.23	1.13	.49	.97	.03	.48	.25	93.3	91.8	025
50	810	165	-.143	.24	1.06	.28	.62	-1.12	.60	.24	93.3	92.2	050
30	811	165	-.149	.25	1.00	.12	.51	-1.52	.60	.23	93.3	92.6	030
49	811	165	-.149	.25	1.11	.43	.57	-1.30	.62	.23	93.9	92.6	049
56	811	165	-.149	.25	.99	.10	.49	-1.63	.63	.23	93.3	92.6	056
18	813	165	-.163	.27	1.35	.96	1.18	.57	.38	.21	95.2	93.5	018
19	813	165	-.163	.27	1.33	.93	1.10	.38	.43	.21	95.2	93.5	019
32	813	165	-.163	.27	1.14	.49	.46	-1.65	.63	.21	94.5	93.5	032
34	813	165	-.163	.27	.85	-.29	.52	-1.38	.59	.21	93.9	93.5	034
48	813	165	-.163	.27	1.29	.84	.58	-1.18	.61	.21	95.2	93.5	048
57	813	165	-.163	.27	.85	-.29	.51	-1.45	.60	.21	93.9	93.5	057
20	814	165	-.171	.29	1.44	1.13	1.08	.34	.45	.20	95.8	94.0	020
11	815	165	-.179	.30	1.58	1.34	1.12	.41	.45	.19	96.4	94.4	011
33	816	165	-.189	.32	1.51	1.18	.42	-1.63	.62	.17	96.4	94.9	033
40	816	165	-.189	.32	1.51	1.18	.41	-1.65	.62	.17	96.4	94.9	040
43	817	165	-.199	.34	1.71	1.45	.42	-1.52	.59	.16	97.0	95.4	043
42	818	165	-.211	.36	1.95	1.73	.43	-1.40	.57	.15	97.6	95.9	042

MEAN	637.3	165.0	.00	.16	1.16	.2	2.17	1.6			73.8	71.5
P.SD	236.8	.0	1.52	.08	.43	2.0	2.81	4.2			26.3	26.3

Analisis data telah dilaksanakan menggunakan perisian winsteps 5.0.2.0 yang dibangunkan oleh Linacre (2021). Tahap penguasaan pelajar terhadap pengetahuan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah telah diukur melalui soal-selidik sebanyak 165 item yang digunakan. Hasil analisis mendapatkan bahawa nilai min skor bagi tahap pengetahuan akidah ahli sunnah wal jamaah dalam kalangan pelajar adalah  $637.3 / 165.0 = 3.86$ , iaitu pada tahap yang tinggi seperti ditunjukkan jadual Skor Min oleh Landell, (1977). Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar yang diambil sebagai responden telah memberi maklum balas berdasarkan pengetahuan sedia ada, menunjukkan mereka mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap pengetahuan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Berdasarkan tahap kesukaran item dalam jadual di atas, pengukuran kesukaran item instrumen tahap tahap pengetahuan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah adalah antara nilai 3.31 hingga -2.11 logit. Ukuran min item ke 44 yang mencapai nilai logit 3.31, iaitu “Saya gembira mendengar penghinaan terhadap Rasulullah SAW” menunjukkan hanya skor 177 sahaja yang sangat tidak setuju oleh para pelajar. Manakala item ke 42 yang mencapai nilai logit -2.11, iaitu “Saya berbangga menjadi umat Nabi Muhamad SAW” kerana ,mencapai skor 818 yang sangat setuju oleh para pelajar. Hal ini menunjukkan dua item tersebut adalah berhubung tema Pengetahuan keimanan kepada Rasul.

Justeru, tahap tahap pengetahuan akidah ahli sunnah wal jamaah dalam kalangan pelajar pada nilai min 3.86 yang menunjukkan di tahap tinggi atau dengan nilai peratus sebanyak 77.2%. Namun berdasarkan dapatan menerusi kajian ini, keperluan dilihat semula berhubung dengan kefahaman pelajar terhadap aspek keimanan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Perkara tersebut merupakan item yang paling sangat tidak setuju dan sangat setuju di bawah tema Keimanan kepada Rasul.

## 6. PERBINCANGAN

Sebanyak enam tema utama dan 12 subtema yang terdiri 85 item berhubung pengetahuan akidah ahli sunnah wal jamaah telah dijawab oleh 165 orang pelajar di IPGKRM. Dapatan min tahap penguasaan secara keseluruhannya pelajar berada di tahap tinggi terhadap pengetahuan dan kefahaman berhubung akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dapatan ini membuktikan, pengetahuan pelajar terhadap pemahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah terutamanya di Malaysia mengikut manhaj Imam Abu al-Hassan al-Ash’ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi. Sehubungan itu, instrumen soal-selidik yang diedarkan menunjukkan kefahaman dan pengetahuan pelajar berhubung keimanan kepada Rasul, iaitu Nabi Muhammad SAW merupakan tema kajian yang dikenal pasti skor paling tertinggi dengan mendapat 818 berbanding di bawah tema (Konstruk) keimanan kepada Allah, Malaikat, Kitab, Hari Akhirat dan Qada’ dan Qadar. Hal ini demikian kerana, masyarakat islam di Malaysia sudah terbiasa dengan amalan baginda Nabi SAW dalam kehidupan, iaitu bermula dari buaian lagi.

Selain itu, keimanan terhadap Baginda Nabi SAW turut diimplimentasi dalam kurikulum Pendidikan secara formal mahupun tidak formal. Justeru budaya dan pemahaman ini sewajarnya dikekalkan dalam masyarakat Islam di Malaysia menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai idola umat Islam. Namun, dapatan juga menunjukkan item 44 dengan nilai logit 3.31 dan skor 177 yang menyatakan sangat tidak setuju, “Saya gembira mendengar penghinaan terhadap Rasulullah SAW”. Pengkaji juga beranggapan pelajar menyayangi baginda nabi namun tidak sensitiviti terhadap penghinaan kepada Nabi. Oleh hal yang demikian pemahaman dan penghayatan akidah ASWJ terhadap “kepercayaan kepada Rasul” perlu dititikberatkan dan dipertingkatkan penghayatannya seperti pendedahan dan pengisian ilmu berkaitan keimanan kepada Baginda Nabi SAW secara berterusan yang tidak terbatas di sekolah atau universiti. Selain itu, aspek-aspek keimanan terutamanya rukun Iman yang lain yang wajib diyakini perlu juga teliti secara perinci. Sebagai contoh item 53, iaitu “Saya berasa tenang apabila mendengar orang yang beriman akan selamat dari seksaan kubur” berkaitan tema Keimanan kepada Hari Akhirat dan item 17 seperti “Manusia mendapat berita tentang alam ghaib melalui kitab yang diwahyukan kepada para nabi” di bawah tema keimanan

kepada kitab. Hal ini kerana kedua-dua item tersebut merupakan item yang berada di antara logit sangat tidak setuju dan sangat setuju oleh para pelajar.

Sebagai rumusan, kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dalam kalangan pelajar IPGKRM adalah tinggi. Walaupun begitu, usaha untuk memantapkan lagi pengetahuan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) perlu dilakukan secara berterusan. Justeru semua pelajar kampus IPGKRM perlu menguasai akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah sehingga mampu menjadi jambatan untuk menyampaikan manhaj pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada masyarakat luar pada masa akan datang.

## 7. KESIMPULAN

Hakikatnya, setiap unsur di sekeliling manusia sangat berkait rapat antara satu sama lain sebagai pelengkap kehidupan. Berdasarkan kajian ini, boleh dikatakan gaya hidup seseorang pelajar sebagai mahasiswa dan Islam dipengaruhi oleh tahap amalan agamanya yang bertunjangkan kepada Akidah dan kepercayaan kepada Allah. Perkara ini mestilah diambil perhatian oleh pihak kolej kediaman dan institut dengan mengadakan aktiviti yang mengintegrasikan aspek keagamaan dengan rekreasi misalnya, untuk menarik penglibatan lebih ramai mahasiswa Islam. Manhaj Imam Abu al-Hassan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi sebagai pegangan Ahli sunnah wal jamaah perlu diterapkan dan diberi penerangan yang jelas kepada mahasiswa IPGKRM supaya diharapkan mereka akan menjadi tonggak kepimpinan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang diharapkan oleh falsafah pendidikan negara. Usaha dan langkah proaktif perlu dilakukan oleh semua pihak sama ada pihak berautoriti di peringkat Negeri Sembilan secara khusus dan peringkat kebangsaan secara umum.

## RUJUKAN

Al-Quran

Abdullaah Jalil. 2022. Matan Ummu al Barahin dan Pengenalan Ahli Sunnah dan Jamaah. Wisdom Publication: Negeri Sembilan.

Ab. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin. 2021. Ilmu Tauhid. Pustaka Salam: Selangor.

Ahmad Johari Sihes, Abdul Rahim Hamdan, Jamaluddin Ramli, Nor Salis Samingan. 2020. Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia.

Asjad Mohamed, Muhammad Muzakkir Othman @ Seman, Mohd Hafiz Abdul Wahab. 2010. Kefahaman dan Amalan dalam Beragama: Kajian Terhadap Pelajar Baru UiTM Pahang dan Pelajar Baru Universiti Malaysia Pahang.

Azman Ab Rahman, Mohammad Naqib Hamdan, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Muhammad Yusuf Khalid, Robiatul Adawiyah Mohd@Amat. Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Konsep Ahli Sunah Waljamaah: Kajian di Negeri Sembilan.

Badrulhisham, Adam. "AHLI SUNNAH WAL JAMAAH DAN PEMAKAIANNYA DI MALAYSIA: ISU DAN CABARAN." Jurnal Ulwan 1(1): 128-149.

Marcinkowski, Christoph. 2013. The Iranian Shi'i Diaspora in Malaysia. [<http://www.mei.edu/content/iranian-shii-diaspora-malaysia>; di akses 5 Sept. 2018]

Mashitah Sulaiman, Mohd Azmir Mohd Nizah, Mohd Nazir Ahmad, Marina Munira Abdul Mutualib, Roslizawati Mohd Ramly, Khatijah Othman, Suhailiza Md. Hamdani. 2018. Pengetahuan Dan Kefahaman Agama Dalam Kalangan Belia Melayu Di Lembah Kelang. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Special Issue.

Mohamad Jarpani Syopiyan et.al. 2017. Sorotan Perkembangan Hubungan Gerakan Syiah Di Malaysia: Penilaian Menerusi Facebook. Jurnal Pengajian Islam. Bil. 10, Isu II, Hal. 127-140.

Mohamed Fairooz Mohamed Fathillah et.al. 2016. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Tahap Pengetahuan Belia Islam Terhadap Kefahaman dan Amalan Ajaran Syiah: Satu Kajian Di Negeri Selangor. Vol 3 Bil 2, Hal. 220-236

Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid & Raiham Mohd sanusi. 2021. 47 kes ajaran sesat dilaporkan sejak Januari tahun lalu. Sinar 28 Oktober 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/169207/BERITA/Semasa/47-kes-ajaran-sesat-dilaporkan-sejak-Januari-tahun-lalu>

Muhamad Zaki Zainuddin, Khadijah Abd Razak. 2021. Pengetahuan Akidah dan Amalan Ibadah Pelajar Sekolah Menengah di Kuala Pilah, N. Sembilan. International Journal of Advance Research in Islamic Studies and Education. 1(4):

Nik Muhammad Syukri Nik Wan. 2021. Sifat 20: Sejarah dan Kupasan Pendekatan Akidah. Publishing House: Selangor.

Nor Azizah Mustapha, Fariza Mohd Sham, Ahmad Irdha Mokhtar. 2019. Program Dakwah di Institut Pemantapan dan perkaderan Akidah Malaysia (IPHAM) dalam Memantapkan Akidah Remaja. Al Hikmah 11(2) 2019: 3-19

Nor Hayati Fatmi Talib, Adibah Hasannah Abd Halim, Bani Hidayat Mohd Shafie. 2018. Tahap Pengetahuan Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Semester 1, Satu Kajian di Politeknik Banting Selangor. Journal of Quran Sunnah and Special Needs. 2(2) 2018.

Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang, Syamim Zakwan Rosman. 2020. Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. 5(2):415-424

Syamilatul Sufia Abdullah dan A'dawiyah Ismail. 2022. Kebimbangan dan Peranan Ibu dalam Menjaga Akidah dan Akhlak Anak-anak dalam Era Digital. Jurnal Pengajian Islam. 15(1): 195-207

Zakaria Stapa (Prof. Dato'), 2015, Keutuhan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) Di Malaysia dalam Memartabatkan Agama Islam, dibentangkan dalam Seminar Ahli Sunnah Wal Jamaah: Pengukuhan Akidah Menurut Manhaj Wasatiyyah, pada 28 Oktober 2015.

Abdul Hadi Sulaiman (Corresponding author)  
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral  
IPG Kampus Raja Melewar  
Jalan Sikamat  
70400, Seremban, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: hadi@ipgm.edu.my

Hasnurol Hashim  
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral  
IPG Kampus Raja Melewar  
Jalan Sikamat  
70400, Seremban, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: hasnurolhashim@ipgm.edu.my

Zuraini Yaakub  
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral  
IPG Kampus Raja Melewar  
Jalan Sikamat  
70400, Seremban, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: zuraini.yaakub@ipgm.edu.my

Aisah Hasmam  
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral  
IPG Kampus Raja Melewar  
Jalan Sikamat  
70400, Seremban, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: aisah.hasmam@ipgm.edu.my

Abd Razak Abu Chik  
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral  
IPG Kampus Raja Melewar  
Jalan Sikamat  
70400, Seremban, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: razak@ipgm.edu.my

Mohd Muhsinul Nidzam Abdullah  
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral  
IPG Kampus Raja Melewar  
Jalan Sikamat  
70400, Seremban, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: muhsinul@ipgm.edu.my

Sohaina Mohd Salleh  
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral  
IPG Kampus Raja Melewar  
Jalan Sikamat  
70400, Seremban, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: sohaina@ipgm.edu.my

Wan Ali Akbar Wan Abdullah  
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral  
IPG Kampus Raja Melewar  
Jalan Sikamat  
70400, Seremban, Negeri Sembilan, MALAYSIA  
Email: wanaliakbar@ipgm.edu.my